

# Program Khidmat Negara pelaksanaan secara 3 dalam 1

Oleh Haji Samat b. Buang


## Pendahuluan

SEWAKTU kerajaan mengumumkan untuk mewajibkan Program Khidmat Negara (PKN) bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Oktober 2002, banyak pihak membayangkan program ini sebagai program ketenteraan sepenuhnya. Imej tentera yang berambut pendek, memakai pakaian seragam dengan senjata menjadi sinonim dengan program ini. Keadaan ini ada kaitannya dengan komponen asas ketenteraan yang dimasukkan dalam program Khidmat Negara.

Ada sesetengah pihak pula yang menganggapnya sebagai satu latihan yang agak keras bagi tujuan pertahanan negara. Sebenarnya PKN yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bukanlah satu perkara baru. Sebaliknya, program tersebut pernah dibincangkan oleh ahli-ahli politik dan masyarakat di negara ini lima belas tahun yang lalu. Hal ini disebabkan beberapa faktor dan keperluan semasa, maka akhirnya pada penghujung tahun 2003 barulah program tersebut dijadikan sebagai program kerajaan dan agenda pembangunan manusia.

Tercetusnya idea untuk melaksanakan PKN ini bermula dalam sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga telah dibentuk dalam Mesyuarat Kabinet pada 30 Oktober 2002 untuk mengkaji keperluan pelaksanaan Kerahan Tenaga ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh 7 Menteri, seorang Penasihat Perdana Menteri yang bertaraf Menteri dan 5 Timbalan Menteri. Dalam mesyuarat pertama pada 12 November 2002,

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga telah menerima penggunaan istilah Khidmat Negara bagi menggantikan istilah Kerahan Tenaga. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara (JKMKN) telah menubuhkan 4 buah Jawatankuasa Kecil, iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kurikulum,



Berkawad: Salah satu latihan yang bakal dilalui oleh peserta PKN.

Jawatankuasa Undang-Undang, dan Jawatankuasa Logistik bagi membantu jawatankuasa ini menyediakan perancangan dan menyelaraskan keperluan pelaksanaan Program Khidmat Negara. Pada 28 Mei 2003, kabinet telah meluluskan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Akta Latihan Khidmat Negara pada 25 Jun 2003, manakala Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang ini pada 7 Julai 2003.

## Tujuan PKN

Walau bagaimanapun, PKN yang akan dilaksanakan di negara kita agak berlainan dengan kerahan tenaga yang dilaksanakan di negara lain. Program ini bukan berbentuk *national service* atau lebih bercorak ketenteraan, tetapi menggunakan modul dan acuan kita sendiri yang disesuaikan dengan landskap sosial, budaya, dan ekonomi. PKN yang akan dilaksanakan di negara ini merupakan gabungan daripada latihan ketenteraan dan penanaman nilai-nilai patriotik kepada generasi muda ke arah cinta, kasih, dan sayang kepada negara. Mungkin disebabkan perubahan masa dan cara hidup

masa kini telah menyebabkan mereka menjadi leka dan khayal sehingga tidak tahu erti kesusahan dan penderitaan hidup yang dilalui oleh generasi sebelum merdeka. Hal inilah yang telah menyebabkan lunturnya semangat patriotik di kalangan golongan remaja ini. Kemuncak daripada semangat patriotik itu akan menyebabkan golongan muda ini sanggup berkorban apa-apa sahaja untuk kepentingan negara. Selain itu, PKN boleh menjadi satu mekanisme ke arah kelangsungan proses pembentukan disiplin diri remaja. Banyak kisah kejayaan mempunyai signifikan secara tidak langsung dengan pembentukan disiplin diri yang padu. Secara umumnya, disiplin diri merupakan asas penting dalam mana-mana kejayaan. Program ini juga bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh integrasi nasional melalui penglibatan pelbagai kaum, malah untuk mengangkat maruah dan martabat negara.

## Modus operandi PKN

Oleh itu, mulai Februari 2004 ini, sebanyak 85,000 remaja pelbagai kaum akan dilatih dengan modul fizikal, kenegaraan, pembentukan watak, dan komuniti selama tiga bulan. Kerajaan akan memastikan

remaja yang akan menyertai program ini seimbang dari segi bilangan kaum dan tidak tertumpu kepada satu-satu kaum semata-mata. Sebanyak 60 peratus daripada 85,000 peserta PKN awal tahun ini merupakan golongan Melayu, manakala sebanyak 20 peratus mewakili kaum Cina. Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Siti Azizah Abod, jumlah berkenaan dijangka diperoleh menerusi kaedah pengundian secara rawak berkomputer yang akan diadakan pada 8 Disember ini. Pengundian ini dibuat mengikut komposisi kaum di negara ini yang majoriti penduduknya ialah Melayu, sebanyak 20 peratus kaum Cina, 8 peratus kaum India dan 2 peratus lagi melibatkan kaum lain.

Kaedah tersebut mengasingkan calon-calon kepada kumpulan mengikut negeri, kaum, dan jantina bagi memastikan setiap kumpulan diwakili, selain mempunyai peluang yang sama dalam proses pemilihan. Sebenarnya, terdapat sebanyak 480,000 orang yang dilahirkan pada tahun 1986 layak menjadi peserta program berkenaan, tetapi hanya 85,000 yang akan dipilih untuk pengambilan pertama. Selain itu, bilangan lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak itu dijangka seimbang. Butir-butir terperinci mengenainya telah diumumkan pada 8 Disember 2003 sewaktu proses pengundian berkomputer dilakukan.

Walau bagaimanapun, kumpulan peserta pertama yang terpilih akan dihubungi melalui surat. Di dalam Surat tersebut ada menyatakan peraturan yang perlu diikuti pelatih sepanjang tempoh latihan, termasuk tidak dibenarkan dilawati anggota keluarga,



Jurulatih yang terpilih mampu memberikan pelbagai input baru kepada peserta PKN

larangan menggunakan tembakau atau alkohol, serta membawa pisau dan senjata tajam. Program 12 minggu itu akan dibahagikan kepada empat modul, iaitu latihan fizikal selama empat minggu, kursus bina negara tiga minggu, kursus bina perwatakan dua minggu dan tiga minggu terakhir bagi khidmat masyarakat. Latihan fizikal tidak akan membabitkan penggunaan senjata api atau latihan ketenteraan. Pelatih akan belajar berkawat, tempur tanpa senjata, pertolongan cemas, merentas halangan, dan kegiatan sukan seperti terjunan tinggi menggunakan tali di 46 kem di seluruh negara.

Pelaksanaan (*modus operandi*) dan

pengisian program ini meliputi "3 dalam 1", iaitu pertamanya - asas latihan ketenteraan - remaja didedahkan dengan kemahiran kepimpinan dan ikhtiar hidup. Melalui latihan ketenteraan, remaja mendapat manfaat dari segi keyakinan diri.

Kedua, latihan ketatanegaraan serta pembentukan watak positif - Menerusi latihan ketatanegaraan diharap dapat memupuk semangat patriotisme. Kesedaran dan semangat mempertahankan negara penting dalam usaha memastikan kemerdekaan dan kebebasan yang dikecap masa kini sentiasa dipertahankan. Hal ini kerana apabila negara telah mencapai kemerdekaan, bukan bermakna sesuatu yang akan kekal selama-

## Pendidikan selepas SPM

**B**UKU ini membantu para pelajar membuat pilihan tepat kursus profesional yang bakal diikuti pada masa hadapan. Menghimpunkan maklumat terkini mengenai senrai institusi awam dan swasta, bidang pengajian yang ditawarkan, syarat kemasukan, yuran dan tempoh pengajian, dan panduan kerjaya pada masa depan.

Susunan yang lebih sistematik memudahkan pembaca mencari maklumat yang dikehendaki sekali gus menjadikan buku ini bahan rujukan berguna sebelum atau selepas menduduki peperiksaan SPM. Pelajar boleh merancang terlebih dahulu matlamat kerjaya yang diingini. Lalu, pili-

han institusi yang tepat diperlukan untuk terus menjurus ke kerjaya pilihan.

Pengarang, Abdul Hakim Mustor bertugas sebagai kaunselor di Sekolah Menengah Teknik Seri Manjung, Perak. Beliau menggunakan pelbagai rujukan yang lengkap untuk menghasilkan buku panduan asas pendidikan selepas SPM ini.


**Pengarang:** Abdul Hakim Mustor


**Cetakan:** 2002

**Harga:** RM20.00

**Penerbit:** PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.

**Halaman:** 238





Mendaki gunung dan berkayak mungkin menjadi antara latihan yang bakal dilalui oleh para peserta

lamanya. Penjahaj sentiasa berusaha membuat percubaan untuk menjajah sekali lagi negara-negara lemah dalam bentuk yang lain seperti kuasa ekonomi yang jauh lebih kuat berbanding kuasa tentera. Oleh itu, untuk memastikan kemerdekaan negara sentiasa terjamin, rakyat perlu diterapkan dengan semangat patriotisme yang menuntut kesediaan mempertahankan negara sepanjang masa.

Ketiga, aktiviti khidmat sosial - apabila remaja terlibat dengan agensi awam, gotong-royong, khidmat bakti kepada masyarakat sehingga melibatkan remaja bekerja dengan badan bukan kerajaan (NGO). Melalui aktiviti seumpama ini diharap dapat memupuk perpaduan dan membolehkan nilai-nilai murni ditanam dalam jiwa remaja.

Ketiga-tiga elemen ini dipercayai dapat mendisiplinkan diri remaja jika mereka mengambil bahagian secara aktif dan berfikir positif. Pelaksanaan program ini haruslah telus dengan mengambil kira kepentingan remaja. Selain itu, elemen kerohanian dan keagamaan perlulah diterapkan juga.

Konsep ini tidak lengkap sekiranya tidak diikuti oleh kelainan dari segi latihan fizikal dan alat yang diguna pakai dalam program ini. Oleh itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara telah memutuskan untuk mencadangkan kepada Kabinet supaya program ini mempunyai identiti khusus seperti mempunyai logo, lagu tema, dan pakaian seragam khas yang tersendiri.

Dengan adanya identiti khas ini, secara langsung akan memberi kekuatan kepada konsep Khidmat Negara ala Malaysia yang telah direncanakan itu. Logo, lagu tema, dan pakaian seragam khas yang akan diperkenalkan dipilih daripada rekaan, ciptaan, dan gubahan yang dilihat sebagai lebih mesra rakyat, serta mudah untuk menjadi sebatian dengan jiwa generasi muda. Aspek kese-

ragaman amat dititikberatkan kerana bagi memastikan peserta sentiasa merasakan mereka berada dalam satu kumpulan pada setiap masa sepanjang program berlangsung. Hal ini kerana perbezaan dari segi pakaian mungkin akan menyebabkan sesetengah peserta berasa rendah diri atau tersisih. Mereka akan sentiasa memakai pakaian seragam untuk melaksanakan aktiviti fizikal, ketika berada di dalam kelas, mahupun semasa mereka keluar berbakti kepada masyarakat di bawah modul Khidmat Komuniti. Mereka semua sama taraf dan sama kedudukan semasa melaksanakan program ini sekali pun mereka datang daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa, budaya, dan adat resam yang berbeza.

Bagi memastikan PKN berjalan dengan lancar, kerajaan memperuntukkan RM500 juta setahun bagi membiayai penyediaan makanan, kem, khemah, elau jurulatih serta peralatan. Kosnya memang tinggi sebab projek ini bersifat nasional serta membabitkan peserta yang ramai. Oleh itu, sekiranya seseorang remaja gagal mengikuti program ini, maka remaja tersebut boleh

dihukum penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM3,000 atau kedua-duanya sekali. Penetapan arahan ini dan hukuman yang dikenakan merupakan satu usaha dan keprihatinan kerajaan bagi memastikan remaja terus membentuk disiplin diri walaupun sudah meninggalkan bangku persekolahan. Hukuman yang akan dikenakan bertujuan untuk memastikan remaja tidak terlepas daripada mengikuti program yang dapat memberi manfaat kepada diri remaja dan juga masyarakat. Kepekaan kerajaan terhadap isu remaja mungkin dapat diterjemahkan menerusi program ini.

### Kesimpulan

Semua pihak khususnya para remaja diharap dapat menyambut seruan kerajaan dengan menyertai Program Khidmat Negara. Banyak faedah yang dapat diperoleh daripadanya. Pelajar hendaklah bersifat terbuka dan berfikir positif kerana matlamatnya bukanlah untuk mendera remaja sebaliknya melakukan sesuatu perkara dengan rela hati. Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara, model yang digunakan dalam pelaksanaan program ini menekankan kepada ciri-ciri kepuasan individu dan bukan dicipta sehingga pelatih merasakan diri mereka didera.

Selain itu, ibu bapa juga harus melihat program ini dari sudut pandangan positif dan memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk terlibat sama. Anggaphlah program ini sebagai suatu proses lanjutan daripada sistem persekolahan untuk manfaat rakyat dan negara. Sementara bagi para pelajar pula, mereka harus melihat program ini sebagai satu peluang untuk meningkatkan sahsiah masing-masing baik dari segi perubahan sikap kepada yang lebih baik mahupun kesedaran patriotisme.

**MEREKA yang ingin mengetahui sama ada terpilih atau tidak untuk menyertai program itu boleh dilakukan menerusi perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) bernombor 36188 ke Pusat Panggilan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan memasukkan nombor kad pengenalan, nombor talian "hot-line" ialah 03-26813556, paparan dalam akhbar tempatan, atau melayari laman web beralamat [www.khidmatnegara.gov.my](http://www.khidmatnegara.gov.my).**